

KHUTBAH JUMAAT
“SARAWAK MAJU MAKMUR”
(17 Julai 2026M/ 2 Safar 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Berilah perhatian yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Jangan bercakap-cakap, berinteraksi dengan telefon dan segala perbuatan yang boleh menghilangkan pahala Jumaat kita. Mudah-mudahan kita meraih keberkatan dan kesempurnaan pahala solat Jumaat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah pada kali ini yang bertajuk “**Sarawak Maju Makmur.**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari Sarawak yang disambut pada 22 Julai pada setiap tahun adalah hari yang amat bersejarah bagi seluruh rakyat di Sarawak. Jika kita

menelusuri lembaran sejarah tanah air kita, tanggal 22 Julai 1963 merupakan tarikh penting apabila Sarawak mula mentadbir urusan hal ehwal negerinya sendiri. Daripada sebuah wilayah yang pernah dijajah dan berhadapan dengan pelbagai kesukaran pasca-perang, hari ini Sarawak telah melangkah megah sebagai sebuah negeri yang dinamik, progresif, dan menjadi contoh kepada keharmonian di negara kita.

Islam mengajar kita bahawa nikmat tanah air yang aman dan merdeka merupakan sebahagian daripada anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang wajib disyukuri. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Saba', ayat 15:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ ءَايَةٌ ۖ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ ۚ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ ۚ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ ۚ وَرَبُّ غَفُورٌ (١٥)

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, terdapat tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) di tempat tinggal penduduk negeri Saba': dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah daripada rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!.*

Sheikh Tantawi dalam kitab at-Tafsir al-Wasit menjelaskan maksud *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur* ialah negeri yang baik

kerana mengandungi segala nikmat dan kebaikan yang diperlukan, dan Tuhan yang telah mengurniakan segala nikmat ini Maha Luas keampunan dan kasih sayang-Nya bagi sesiapa yang bertaubat dan kembali kepada-Nya.

Ayat tadi memberikan isyarat bahawa sesebuah negara atau negeri yang mencapai tahap *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur* mempunyai beberapa ciri antaranya:

Pertama: Limpahan rezeki dan kemakmuran hasil bumi yang diurus dengan baik.

Kedua: Penduduknya yang sentiasa bersyukur dan taat kepada perintah Allah *subhanahu wata'ala*.

Oleh itu, bersempena dengan Hari Sarawak 2026, marilah kita menzahirkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Pada ketika terdapat negara yang sedang bergolak dengan peperangan, krisis kebuluran, dan perpecahan, kita di Sarawak masih mampu hidup dalam keadaan aman, damai dan harmoni. Alhamdulillah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kemajuan yang kita impikan bukanlah sekadar kemajuan fizikal yang diukur menerusi bangunan-bangunan pencakar langit, jaringan lebuhraya yang serba moden, ataupun kekuatan ekonomi digital dan teknologi hijau semata-mata. Hakikat kemajuan yang diberi penekanan oleh Islam adalah pembangunan yang holistik iaitu pembangunan seimbang yang menyatukan antara kemajuan

material dan kemajuan rohani. Kita mahu melihat Sarawak maju bukan sahaja dari sudut ekonominya, bahkan rakyatnya kaya dengan nilai-nilai akhlak, integriti, dan pegangan agama yang kukuh.

Ibn Khaldun *rahimahullah* dalam kitabnya 'Muqaddimah', menjelaskan bahawa kemajuan sesebuah tamadun bergantung kepada keseimbangan antara: pembangunan ekonomi, akhlak, keadilan, agama, dan kekuatan institusi. Beliau menegaskan bahawa kemakmuran material tanpa nilai moral akhirnya membawa kepada kemerosotan tamadun.

Kini, Sarawak sedang rancak memacu pelbagai agenda besar seperti ekonomi hidrogen, teknologi tenaga boleh diperbaharui, dan kelestarian alam sekitar. Sebagai umat Islam, kita dituntut untuk menyokong usaha-usaha murni ini selaras dengan peranan memakmurkan bumi sebagai 'Khalifah'. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Hud, ayat 61 yang bermaksud:

((... Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya ...))

Memakmurkan bumi bermaksud mengusahakan sumber-sumber alam dengan bijaksana, menjaga kelestarian alam sekitar daripada kerosakan, menguruskan ekonomi secara adil dan saksama demi kebajikan seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Perpaduan dan keharmonian adalah dua tonggak yang amat penting bagi Sarawak yang maju dan makmur. Sarawak dikenali di seluruh

dunia sebagai sebuah model perpaduan yang sangat unik. Dengan kepelbagaian etniknya yang melebihi 20 kumpulan, kita mampu hidup berdampingan secara aman, saling menghormati, dan bekerjasama bak kata perpatih *bagai aur dengan tebing, seikat bagi sirih, serumpun bagi serai*.

Keharmonian ini bukanlah satu kebetulan, tetapi merupakan hasil usaha gigih para pemimpin yang terdahulu dan kebijaksanaan rakyatnya yang sentiasa mengutamakan titik persamaan berbanding perbezaan. Dalam perspektif Islam, kepelbagaian warna kulit, bahasa, bangsa, dan budaya bukanlah alasan untuk berpecah belah, melainkan satu *sunnatullah* (ketetapan Allah *subhanahu wata'ala*) untuk kita saling mengenali dan melengkapi antara satu sama lain. Allah *subhanahu wata'ala* menegaskan hakikat ini dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 yang maksudnya:

((*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu))*)).

Perpaduan yang kukuh adalah benteng yang mempertahankan Sarawak daripada anasir-anasir negatif yang cuba menyemai benih-

benih persengketaan dan permusuhan dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, khatib menyeru seluruh jemaah dan masyarakat Islam di Sarawak agar terus menjadi pelopor kepada kebaikan, dan keharmonian. Tunjukkanlah akhlak Islam yang sebenar, akhlak yang penuh dengan nilai kemanusiaan, kasih sayang, keadilan, progresif serta sikap hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat.

Dalam konteks masyarakat majmuk, prinsip ini menuntut kita untuk sentiasa menjaga tutur kata, tidak menyebarkan fitnah, menghindari kata-kata nista di media sosial, serta tidak melakukan tindakan-tindakan yang boleh menjejaskan keharmonian awam.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Apabila kita berbicara tentang kemakmuran, kita juga tidak boleh melupakan tanggungjawab sosial kita terhadap golongan yang memerlukan. Kemakmuran sesebuah negeri tidak akan sempurna sekiranya masih ada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan.

Kita perlu memastikan bahawa agenda kebajikan sentiasa diutamakan. Golongan asnaf, anak-anak yatim, dan mereka yang kurang bernasib baik harus dibantu agar mereka juga dapat merasai limpahan kemakmuran yang dikecapi oleh negeri ini. Daripada Abdullah bin Amru *radiallahu anhum*a bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ اَرْحَمُوا مَنْ فِي الْاَرْضِ يَرْحَمَكُم مَّنْ فِي السَّمَاءِ))

Maksudnya: *Orang yang pengasih akan dikasihi oleh Tuhan Yang Maha Pengasih. Kasihanilah mereka yang berada di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh yang berada di langit.*

(Hadis Hasan Sahih riwayat Imam at-Tirmizi)

Justeru, marilah kita menyuburkan lagi sifat kepedulian sosial dalam diri kita. Hulurkanlah bantuan kepada mereka yang memerlukan, sokonglah usaha-usaha kebajikan, dan jadilah ejen pembawa rahmat di mana sahaja kita berada.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Memelihara Nikmat Kemerdekaan dan Keamanan. Kita wajib mempertahankan kestabilan politik, ekonomi, dan sosial yang telah kita nikmati selama ini dengan menolak sebarang bentuk fahaman pelampau atau cubaan memecahbelahkan masyarakat.

Kedua: Memperkasakan Perpaduan Kaum. Sentiasalah memupuk hubungan yang harmoni dengan seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, etnik, dan agama berlandaskan prinsip saling menghormati.

Ketiga: Menyumbang kepada Kemajuan: Jadilah rakyat yang produktif, berintegriti, dan berilmu pengetahuan tinggi agar kita dapat menyumbang secara aktif kepada merealisasikan visi Sarawak sebagai sebuah negeri maju dan makmur menjelang tahun-tahun mendatang.

Keempat: Sentiasa Bersyukur kepada Allah: Gandakan amalan soleh, pelihara ketaatan, dan sentiasa berdoa agar bumi Sarawak tercinta ini terus dilindungi, diberkati, dan dirahmati oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-A'raf, ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ (٩٦)

Maksudnya: *Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Istiqamahlah mengimarahkan masjid dan surau dengan ibadah solat fardu berjemaah dan mengadakan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga supaya tetap mendirikan solat lima waktu. Kukuhkanlah perpaduan dengan sikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama sesama masyarakat. Carilah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita diberkati dan dirahmati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari ini khususnya, perbanyaklah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa pada masa akan datang.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala wabak dan bala yang menganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah

bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.